

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N10 SEBERANG JAYA

YB Dato' Yang di-Pertua,
YAB Ketua Menteri,
YB Timbalan Ketua Menteri I & II,
YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,
YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin memanjangkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk berdiri dan berbahas di dalam dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini, walaupun sebagai seorang Ahli Pembangkang, merakamkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas semua inisiatif yang telah dilaksanakan dan bantuan yang dihulurkan kepada penduduk-penduduk negeri ini sepanjang tempoh penularan COVID-19. Segala bantuan memang jelas telah banyak membantu terutamanya mengurangkan beban penduduk dari segi kebajikan dan kesejahteraan warga Pulau Pinang.

Ucapan saya pada pagi yang mulia ini akan menyentuh tentang beberapa perkara yang berkait rapat dengan topik yang amat prihatin oleh warga Pulau Pinang dan sangat signifikan untuk diambil perhatian.

Dato' Yang di-Pertua.

Manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Pertama sekali saya ingin membicarakan tentang pencapaian Manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Adalah diumumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mencapai 90% daripada jumlah pelaksanaan pencapaian Manifesto yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2018. Kalau saya boleh sebutkan, saya tidak percaya

bahawa sebanyak 90% janji-janji Manifesto telah dilaksanakan. Saya menganggarkan secara kasar paling tinggi pun hanya 60% hingga 70% daripada apa yang dijanjikan dalam Manifesto.

Sebagai contoh, pelaksanaan beberapa projek besar terutamanya LRT, Pembinaan Lebuhraya yang masih tidak berjalan, walaupun diletak sebagai status dalam pelaksanaan. Ini amat jelas menunjukkan bahawa ini tidak lagi menepati Manifesto yang dijanjikan. Memang banyak lagi masalah rakyat Negeri Pulau Pinang masih belum selesai, banyak projek pun masih tidak dilaksanakan. Oleh itu, saya rasa Kerajaan Negeri tidak boleh menyatakan bahawa 90% Manifesto telah tercapai. Kenyataan ini hanya akan mengelirukan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Feri Pulau Pinang

Mengenai feri Pulau Pinang, saya amat mengalu-alukan pihak Kerajaan Negeri untuk mengembalikan operasi feri ikonik ini. Antara yang paling dinantikan oleh rakyat Pulau Pinang sudah semestinya pengoperasian semula feri ikonik yang diharapkan dapat dimulakan segera sebaik selepas bulan Jun tahun ini. Saya sebagai seorang warga Pulau Pinang juga tidak sabar untuk melihat feri ikonik Pulau Pinang sekali lagi merentasi laut negeri ini dalam menghubungkan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

Sejak operasi feri itu dihentikan pada tahun 2020, ia digantikan dengan bot laju yang hanya membawa penumpang individu. Perkhidmatan feri untuk motosikal dan basikal pula dihentikan sementara bermula 1 Januari lalu bagi memberi laluan kerja menaik taraf dermaga di terminal feri Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH), dan Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) di Butterworth.

Selain mengembalikan semula nostalgia terhadap pengangkutan awam tertua negara ini, perkhidmatan feri tersebut juga mampu mengurangkan kesesakan trafik teruk yang sering berlaku di negeri. Saya difahamkan bahawa sejak operasi feri itu dihentikan, pengguna yang sering menggunakan perkhidmatan feri terpaksa berulang-alik antara pulau dan Seberang Perai dengan jarak perjalanan yang jauh setiap hari melalui Jambatan Pulau Pinang Pertama untuk bekerja atau melakukan urusan harian. Ini telah menjadikan Jambatan Pulau Pinang menjadi lebih sesak

berbanding dahulu. Jadi, kami amat berharap perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang yang telah beroperasi lebih 126 tahun ini akan kembali beroperasi dalam masa yang paling singkat.

Visi Penang 2030

Mengenai Visi Penang 2030, saya ingin bertanya tentang perincian pelaksanaan projek dan program ke arah pencapaian Visi Penang 2030 sejak pelancarannya. Sejauh manakah penglibatan rakyat Pulau Pinang dalam merealisasikan Visi Penang 2030?

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, seperti yang dikatakan, dengan izin "*Great Power Comes With Great Responsibility*". Pihak Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa pelaksanaan harus melaksanakan rancangan yang dijanjikan, dan bukannya janji-janji kosong sahaja. Saya berharap agar suara pihak pembangkang di dalam DUN ini dapat didengari dan direkodkan supaya tidak hanya diketepikan sebagai rancangan sahaja, tetapi perlu ada perancangan untuk melaksanakannya. Akhir sekali, saya mendoakan agar rakyat jelata Pulau Pinang akan sentiasa dalam keadaan aman, sihat dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Jonathan Ong Joe Shin

N10 Seberang Jaya

Sidang Muda 2022/23

